

# Kepentingan pendekatan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar

UB 27.3.2019 83

## MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL SAID AMBOTANG & SYAHRUL NIZAM SALAM

**PENDEKATAN** pembelajaran merujuk kepada kaedah pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran. Secara psikologi pendekatan pembelajaran adalah cara pelajar memberi fokus, memproses kaedah, mendapatkan maklumat, pengetahuan serta pengalaman. Dari sudut aspek kognitif, gaya pembelajaran boleh dirujuk sebagai kepelbagaian kaedah dalam mencipta persepsi dan proses maklumat untuk membentuk konsep dan prinsip pembelajaran.

Faktor-faktor kegagalan dalam peperiksaan dan ketidakmampuan menguasai mata pelajaran dapat diatasi dengan cara menyesuaikan gaya pembelajaran pelajar seterusnya dapat mengoptimalkan proses pembelajaran dengan baik dan efektif dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Beberapa kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana menunjukkan para pelajar yang mengambil mata pelajaran peringkat menengah atas tidak dapat berfikir secara kritis

disebabkan oleh beberapa faktor seperti kurangnya penguasaan kaedah pembelajaran secara kolaboratif khususnya bagi mata pelajaran Ekonomi. Justeru, kelemahan dalam pembelajaran kolaboratif memberi kesan kepada interaksi perbincangan antara pelajar dan guru serta perkongsian ilmu dalam kelas.

Kepentingan peranan guru untuk memberi galakkan kepada pelajar untuk mendedahkan mereka kepada gaya pembelajaran yang betul seperti dalam menguasai pendekatan pembelajaran yang bermakna dapat mewujudkan kaedah pembelajaran kolaboratif untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran seperti perbincangan, membuat nota ringkas, membaca dan menghuraikan isi kandungan buku rujukan, menganalisis graf yang diajar oleh guru, mencari data-data sekunder di perpustakaan serta membentangkan hasil pencarian ilmu yang dilakukan.

Ini kerana kajian peringkat kebangsaan juga menunjukkan terdapat hubungan positif terhadap peranan seorang guru dalam kelas untuk membentuk pendekatan gaya pembelajaran yang sesuai ke atas pelajar dengan memahami kepentingan

pendekatan pembelajaran yang betul. Justeru, kepentingan pendedahan pendekatan gaya pembelajaran yang menarik ke atas para pelajar adalah dipengaruhi oleh sifat serta peranan seorang guru dalam meningkatkan pengetahuan dalam sesuatu mata pelajaran peringkat menengah atas dengan hanya memupuk sikap yang positif dalam kelas.

Sebagai contoh, guru peringkat menengah atas perlu memberi penekanan dan menjadikan pendekatan pembelajaran aktif sebagai pengajaran terbaik untuk semua mata pelajaran peringkat menengah atas. Ini menunjukkan, pembelajaran peringkat sekolah menengah perlu menerapkan kaedah pembelajaran aktif yang dapat membentuk pelajar dari segi pengetahuan, sikap serta gaya pembelajaran seperti gaya pembelajaran mendalam (*deep learning*) dan gaya pembelajaran permukaan (*surface learning*) yang terkandung dalam inventori pendekatan pembelajaran (ASI).

Selain itu, pendekatan gaya pembelajaran yang lebih bermakna dalam membentuk sendiri seseorang pelajar. Guru perlu mengenal pasti gaya pembelajaran yang kerap

dilakukan antara pelajar yang lebih senior yang mana mereka lebih mengutamakan gaya pembelajaran mendalam berbanding gaya pembelajaran permukaan. Ini kerana kecenderungan untuk pelajar baru dan lama adalah berbeza dengan menggunakan pendekatan pembelajaran yang berlainan iaitu pendekatan mendalam (*deep learning*) atau pendekatan permukaan (*surface learning*) yang berorientasikan hafalan semata-mata.

Ini kerana, beberapa kajian menunjukkan para pelajar yang berada di semester akhir iaitu yang telah menghabiskan sekurang-kurangnya satu semester dalam sesi pembelajaran mereka akan cenderung menggunakan pendekatan pembelajaran mendalam jika dibandingkan dengan pelajar yang baru yang dapat memberi kesan positif dan negatif dalam gaya pembelajaran ke atas pencapaian pelajar. Kajian beberapa orang penyelidik pendidikan telah menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran dan kesan pembelajaran bermakna berhubung secara langsung dengan prestasi akademik pelajar, manakala pendekatan pembelajaran permukaan

berhubung secara songsang iaitu hubungan negatif dengan prestasi pencapaian pelajar. Justeru guru perlu bijak dalam memberi tunjuk ajar kepada pelajar berkenaan kaedah pembelajaran yang betul dan efektif.

Justeru, kemunculan pelbagai pendekatan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar di peringkat menengah atas tidak memberi sebarang jaminan yang berguna kepada pelajar seandainya tidak mempunyai tunjuk ajar daripada seorang guru, ini kerana kaedah pendekatan pembelajaran yang digunakan perlu bimbingan serta bersesuaian dalam sesuatu mata pelajaran. Pendekatan pembelajaran yang baik adalah mampu menarik minat para pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih mudah di fahami oleh pelajar.

Kaedah pembelajaran yang baik perlu berkaitan dengan aktiviti dalam kelas iaitu seseorang pelajar itu perlu mengutamakan gaya pembelajaran yang dapat merangsang kelakuan, pemikiran dan tindakan yang mana pendekatan gaya pembelajaran yang lebih bermakna dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Ini kerana para pelajar yang silap memilih

pendekatan gaya pembelajaran kerap tidak menyertai aktiviti secara berkumpulan, tidak fokus kepada interaksi antara guru, tidak membantu rakan-rakan sekeliling untuk memperbaiki gaya pembelajaran secara kolaboratif malah lebih gemar melakukan tugas pembelajaran secara sendirian bagi memastikan persaingan dalam kumpulan mereka adalah yang terbaik.

Keseluruhannya, didapati pendekatan gaya pembelajaran pelajar dengan cara yang berbeza telah menjadi isu utama kepada tahap pencapaian peperiksaan di peringkat menengah atas. Hal ini sangat berkait rapat dengan timbulnya pelbagai kaedah gaya pembelajaran yang dipercayai menjadi punca kepada pencapaian rendah. Ini kerana faktor pendekatan gaya pembelajaran menjadi salah satu elemen yang penting dalam menentukan pencapaian para pelajar di peringkat menengah atas.

-----  
\* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah